

Kumpulan terakhir pelajar UMSKAL pulang

LABUAN: Kumpulan terakhir yang terdiri daripada 312 pelajar Universiti Malaysia Sabah Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) akhirnya berlepas pulang ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) petang Sabtu selepas terkandas lebih sebulan di kampus mereka susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang bermula pada 18 Mac.

Pelajar terbabit dibahagikan kepada dua kumpulan bagi menaiki dua penerbangan sewa khas Malaysia Airlines masing-masing pada 3.20 petang dan 4.05 petang untuk pulang ke kampung halaman mereka di Semenanjung.

Terdahulu, sejumlah 65 pelajar dari tiga institusi pengajian tinggi di Sabah - Universiti Teknologi Mara (UiTM) (4 orang), Politeknik Kota Kinabalu (14), Politeknik Sandakan (4), Universiti Malaysia Sabah (34) dan baki sembilan lagi dari institusi pengajian swasta tiba di Labuan.

Pelajar terbabit yang kembali ke Sabah telah menjalani prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Jawatankuasa Pengurusan Bencana Labuan secara serta-merta termasuk saringan suhu badan, temu bual dan pendaftaran yang dikendalikan para pegawai Jabatan Kesihatan.

Para pelajar dan ibu bapa serta penjaga mereka turut diberikan taklimat mengenai syarat SOP bagi menjalani kuarantin selama 14 hari di rumah.

Pengerusi jawatankuasa itu Dr Fary Akmal Osman berkata masih terdapat sejumlah 2,076 pelajar Kolej Matrikulasi Labuan yang terkandas di kampus mereka dan sedang menunggu giliran untuk dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing di Sabah dan Sarawak.

"Lebih 1,000 pelajar matrikulasi dari Sabah akan dihantar pulang mulai esok (Ahad) dengan bas dan feri manakala bakinya iaitu lebih 700 orang dari Sarawak akan dihantar pulang dengan penerbangan MASwing dan kami sedang berusaha sedaya-upaya untuk membolehkan mereka berada bersama-sama keluarga masing-masing sebelum Aidilfitri," katanya kepada pemberita di Lapangan Terbang Labuan, pada Sabtu.

Beliau berkata jawatankuasa itu sedang berhubung dengan Kementerian Pengajian Tinggi mengenai jumlah pelajar dari Labuan yang masih terkandas di kampus masing-masing di Semenanjung untuk dihantar pulang ke Labuan.

"Bagaimanapun, berdasarkan kenyataan dari Menteri Kanan (Kluster Keselamatan) Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob akan terdapat satu penerbangan untuk menghantar pulang pelajar dari Labuan tidak lama lagi namun kami belum menerima butirannya lagi," katanya. Dr Fary berkata masih terdapat lebih 200 pelajar dari Labuan di UMS Kota Kinabalu yang turut menanti untuk dihantar pulang ke kampung halaman masing-masing.

Beliau mengingatkan pelajar dari Labuan yang ketika ini terkandas di kampus masing-masing di luar Labuan bahawa meskipun dibenarkan pulang sendiri, mereka perlu melalui jawatankuasa itu. - Bernama